

PROSEDUR OPERASI STANDARD SOP

PROGRAM
PEMBANGUNAN

INDUSTRI TENUSU NEGARA

SEMAKAN 2023



**PROSEDUR
OPERASI STANDARD
SOP**

**PROGRAM
PEMBANGUNAN**

**INDUSTRI
TENUSU
NEGARA**

SEMAKAN 2023

ISI KANDUNGAN

I	KATA SINGKATAN	5
II	TAKRIFAN	6
III	TUJUAN	7
IV	SKOP	7
V	RUJUKAN	7
VI	LATAR BELAKANG PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI TENUSU NEGARA	7
VII	KONSEP PERLAKSANAAN PROGRAM	9
VIII	SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PROGRAM	11
1.0	PROSEDUR PERMOHONAN PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI TENUSU NEGARA	14
1.1	Permohonan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara: Skop Program Transformasi Usahawan Berskala Besar	14
1.2	Verifikasi dan Lawat siasat – Skop Program Transformasi Usahawan Berskala Besar	14
1.3	Pengesahan bagi Permohonan Program Skop Program Transformasi Usahawan Berskala Besar	15
1.4	Permohonan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara: Skop Program Transformasi Penternak Kecil	15
1.5	Verifikasi dan Lawat Siasat – Skop Program Transformasi Penternak Kecil	16
1.6	Pengesahan bagi Permohonan Program Skop Program Transformasi Penternak Kecil	16
1.7	Jadual Prosedur Permohonan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara: Skop Program Transformasi Usahawan Berskala Besar dan Skop Program Transformasi Penternak Kecil	17
1.8	Carta Alir Permohonan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara: Skop Program Transformasi Usahawan Berskala Besar	22
1.9	Carta Alir Permohonan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara: Skop Program Transformasi Penternak Kecil	23
2.0	PROSEDUR PENYEDIAAN SURAT TAWARAN DOKUMEN PERJANJIAN PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI TENUSU NEGARA	24
2.1	Tawaran Program Pembangunan Industri Tenusu Negara	24
2.2	Penyediaan Dokumen Perjanjian Program Pembangunan Industri Tenusu Negara	25
2.3	Jadual Prosedur Penyediaan Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian Program Pembangunan Industri Tenusu Negara	26

2.4	Carta Alir Penyediaan Surat Tawaran Dan Dokumen Perjanjian Program Pembangunan Industri Tenusu Negara	30
3.0	PROSEDUR PEMBAYARAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK (<i>REIMBURSEMENT</i>) SKOP TRANSFORMASI USAHAWAN BERSKALA BESAR DAN SKOP TRANSFORMASI PENTERNAK KECIL DI BAWAH PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI TENUSU NEGARA	31
3.1	Serahan Dokumen Tuntutan Bayaran Balik	31
3.2	Verifikasi Perolehan Ternakan dan/ atau Peralatan Bagi Tujuan Tuntutan Bayaran Balik (<i>Reimbursement</i>)	34
3.3	Pengesyoran dan Pengesahan Pembayaran Tuntutan Bayaran Balik <i>Reimbursement</i>	35
3.4	Jadual Prosedur Pembayaran Tuntutan Bayaran Balik (<i>Reimbursement</i>)	35
3.5	Carta Alir Prosedur Pembayaran Tuntutan Bayaran Balik (<i>Reimbursement</i>)	38
4.0	PROSEDUR PEMANTAUAN PERLAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI TENUSU NEGARA	39
4.1	Pemantauan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara	39
4.2	Pelepasan/ Rampasan Bon Jaminan Perlaksanaan Peserta Bagi Skop Transformasi Usahawan Berskala Besar	40
4.3	Jadual Prosedur Pemantauan Perlaksanaan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara	42
4.4	Carta Alir Prosedur Pemantauan Perlaksanaan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara	45
5.0	TERMA DAN RUJUKAN JAWATANKUASA INDUK PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI TENUSU NEGARA	46
6.0	TERMA DAN RUJUKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL, PEMANTAUAN, PENILAIAN, PENGESYORAN DAN PERLAKSANAAN (JK4P) PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI TENUSU NEGARA	49
7.0	LAMPIRAN	54

I. KATA SINGKATAN

KPKM	: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KSU	: Ketua Setiausaha KPKM
KPPV	: Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
DVS	: <i>Department of Veterinary Services</i> / Jabatan Perkhidmatan Veterinar
BPIT	: Bahagian Pembangunan Industri Ternakan
BKP	: Bahagian Khidmat Pengurusan
JK4P	: Jawatankuasa Teknikal Pemantauan, Penilaian, Pengesyoran dan Pelaksanaan
MJKI	: Mesyuarat Jawatankuasa Induk Program Pembangunan Industri Tenusu Negara
PO VetEC	: Pusat Operasi VeTEC
BIT Negeri	: Bahagian Industri Ternakan DVS Negeri
KBIT	: Ketua Bahagian Industri DVS Negeri
PVD/PVJ	: Pejabat Veterinar Daerah/ Pejabat Veterinar Jajahan
LHDN	: Lembaga Hasil Dalam Negeri
PUU	: Pegawai Undang-Undang Jabatan
JKIPPITN	: Jawatankuasa Induk Program Pembangunan Industri Tenusu Negara

II. TAKRIFAN

Pemohon	: Usahawan/ Syarikat/ Penternak yang memohon Program Pembangunan Industri Tenusu Negara
Peserta	: Usahawan/ Syarikat/ Penternak yang ditawarkan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara
Jabatan	: Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Bahagian	: Bahagian Pembangunan Industri Ternakan
Ketua Jabatan	: Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Ketua Bahagian	: Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Program	: Program Pembangunan Industri Tenusu Negara
Urusetia Program	: Unit Tenusu, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan
Pegawai Pemantau	: Mana-mana Pegawai Kerajaan yang diarahkan oleh DVS untuk memantau
Pegawai Verifikasi	: Mana-mana pegawai Kerajaan yang diarahkan oleh DVS untuk menjalankan Verifikasi
Kerajaan	: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

III. TUJUAN

Prosedur Operasi Standard (SOP) ini bertujuan memberi garis panduan berkaitan pelaksanaan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara. SOP ini menjelaskan prosedur dan proses yang terlibat sepanjang Program dilaksanakan.

IV. SKOP

Prosedur Operasi Standard (SOP) ini merangkumi isyarat-syarat permohonan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan dan proses kerja serta carta alir bagi setiap proses kerja yang terlibat bermula daripada permohonan oleh pemohon, verifikasi dan lawat siasat ladang, pemilihan dan perakuan Peserta oleh Jawatankuasa, pemakluman kepada Peserta yang diperakukan, persetujuan menandatangani perjanjian Program, tuntutan pembayaran oleh Peserta, pemantauan dan penilaian KPI Peserta serta pelepasan Bon Jaminan Pelaksanaan Peserta.

V. RUJUKAN

1. Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia Pemeriksaan Ternakan
2. Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan dan Produk Haiwan Antara Negeri
3. Protokol Veterinar Malaysia Tuberculosis
4. Protokol Veterinar Malaysia Brucellosis

VI. LATAR BELAKANG PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI TENUSU NEGARA

1. Kerajaan telah memperkenalkan dasar untuk menambahkan kapasiti pengeluaran susu segar tempatan dalam negara dengan sasaran pengeluaran sebanyak 20 juta liter melalui peningkatan populasi 10,000 ekor induk dalam tempoh lima (5) tahun.

Bagi mencapai sasaran ini, Kerajaan berhasrat untuk membangunkan industri lembu tenusu melalui Program Pembangunan Industri Tenusu Negara

2. Pelaksanaan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara adalah melibatkan kaedah reimbursement.
3. Di bawah Program Pembangunan Industri Tenusu Negara, Pemohon boleh memohon untuk memasuki Skop Transformasi Usahawan Berskala Besar atau Skop Transformasi Penternak Kecil.
 - a) **Permohonan Skop Transformasi Usahawan Berskala Besar.**
 - i) Pemohon yang memenuhi syarat dan ditawarkan bagi permohonan Skop Transformasi Usahawan Berskala Besar akan membuat perolehan:
 - a) Ternakan lembu tenusu betina bunting baka kacukan Friesian daripada Australia dan/atau New Zealand (min 100 ekor; max 500 ekor); **DAN/ATAU**
 - b) 1 unit tangki penyejukan susu (RFT) baru berkapasiti 3000 liter; **DAN/ATAU**
 - c) 1 unit lori tangki susu baru berkapasiti 3000 liter.
 - b) **Permohonan Skop Transformasi Penternak Kecil.**
 - i) Pemohon yang memenuhi syarat dan ditawarkan bagi permohonan Permohonan Skop Transformasi Penternak Kecil akan membuat perolehan:
 - a) 10 ekor ternakan lembu tenusu betina bunting baka kacukan Friesian daripada Australia dan/atau New Zealand; **DAN/ATAU**
 - b) 1 unit tangki penyejukan Susu (RFT) berkapasiti 500 liter.

VII. KONSEP PERLAKSANAAN PROGRAM

Konsep Pelaksanaan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara adalah ditetapkan seperti berikut:

- a) Peserta yang ditawarkan menyertai Program ini akan membuat perolehan ternakan/peralatan dan mengemukakan tuntutan *reimbursement* kepada Kerajaan
- b) Di bawah permohonan Skop Transformasi Usahawan Berskala Besar, Kerajaan akan membuat bayaran balik (*reimbursement*) sebanyak 30% daripada harga perolehan mengikut harga siling yang telah ditetapkan dengan kaedah *reimbursement* 70:30 (70% harga perolehan akan ditanggung oleh Peserta manakala baki 30% daripada harga perolehan akan dibayar oleh Kerajaan).
- c) Di bawah permohonan Skop Transformasi Penternak Keci, Kerajaan akan membuat bayaran balik (*reimbursement*) sebanyak 70% daripada harga perolehan mengikut harga siling yang telah ditetapkan dengan kaedah *reimbursement* 30:70 (30% harga perolehan akan ditanggung oleh Peserta manakala baki 70% daripada harga perolehan akan dibayar oleh Kerajaan).
- d) Harga siling yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

Jenis Perolehan	Harga siling bagi Seunit/Ekor (RM)
Induk Betina Bunting	10,000.00
Tangki Penyejuk susu (RFT) 500 L	60,000.00
Tangki Penyejuk susu (RFT) 3000 L	150,000.00
Lori Tangki Susu 3000 L	250,000.00

- e) Permohonan Skop Transformasi Usahawan Berskala Besar perlu menyediakan Bon Jaminan Pelaksanaan bagi menjamin obligasi Peserta di dalam Program ini dengan kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan.

- f) Bagi pemohon yang tidak memiliki sumber bekalan rumput, pemohon dicadangkan untuk mendapatkan bekalan di bawah Projek Pengeluaran Napier di bawah Jabatan Pertanian.
- g) Pemohon boleh memohon bagi ditawarkan:
 - i) Ternakan dan Peralatan; atau
 - ii) Ternakan sahaja; atau
 - iii) Peralatan sahaja

Walaubagaimanapun kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Induk Program Pembangunan Industri Tenusu Negara

- h) Melalui Program ini, Peserta adalah ditawarkan ternakan lembu dara tenusu bunting baka kacukan Friesien dari Australia dan/atau New Zealand. Kelulusan bagi permohonan selain baka ternakan seperti yang dinyatakan adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Induk Program Pembangunan Industri Tenusu Negara.
- i) Melalui Program ini, Peserta hendaklah menguruskan dan memastikan peningkatan pengeluaran susu segar ternakan yang ditawarkan di bawah Program ini adalah mencapai sasaran/ *Key Performance Indicator (KPI)* yang ditetapkan oleh Kerajaan.
- j) Bagi menjamin obligasi Peserta yang memohon di bawah Skop Transformasi Usahawan Berskala Besar, Peserta perlu menyerahkan Bon Jaminan Pelaksanaan yang ditetapkan oleh Kerajaan dan Kerajaan berhak untuk melepaskan keseluruhan atau sebahagian daripada Bon Pelaksanaan bergantung kepada peratus (%) pencapaian KPI Peserta. (Rujuk perkara 4.2; Pelepasan Bon Jaminan Peserta).
- k) Penyediaan Bon Jaminan Pelaksanaan seperti di Para VII (e) adalah bergantung kepada nilai tuntutan bayaran balik oleh Peserta.
 - 2.5% bagi nilai tuntutan bayaran balik kurang daripada RM500,000.00
 - 5% bagi nilai tuntutan bayaran balik RM 500,000.00 dan lebih.

- l) Permohonan adalah terdiri daripada Penternak di dalam Program lembah tenusu yang dibangunkan. Walaubagaimanapun, permohonan di luar Program lembah tenusu adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Induk Program Pembangunan Industri Tenusu Negara
- m) Perjanjian boleh **DITAMATKAN** sekiranya usahasama dalam Program Pembangunan Industri Tenusu Negara **TIDAK DIPATUHI** seperti yang termaktub dalam syarat perjanjian.
- n) Sebarang perubahan kepada pelaksanaan Program bagi tujuan penambahbaikan adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Induk Program Pembangunan Industri Tenusu Negara.

VIII. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PROGRAM

Syarat-syarat bagi permohonan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara adalah seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia
2. Mempunyai pengalaman dalam bidang penternakan ruminan dan telah memulakan penternakan tenusu dalam tempoh 6 bulan – 1 tahun.
3. Aktif menjalankan penternakan ruminan.
4. Berdaftar dengan e-permit dan mempunyai ID Premis di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar
5. Mempunyai kawasan atau sumber yang mencukupi bagi menampung pengeluaran makanan ternakan.
6. Mempunyai kawasan bagi tujuan penternakan yang sesuai dan mencukupi serta dilengkapi dengan infrastruktur kandang yang baik.
7. Komited untuk melaksanakan projek.
8. Mempunyai Kerjasama yang baik dengan Jabatan

9. Bagi pemohon projek di atas tanah milik kerajaan, surat kebenaran atau perjanjian daripada pihak berkuasa/ agensi yang berkaitan. Manakala bagi pemohon projek di atas tanah milik syarikat/ persendirian, salinan geran tanah dan surat kebenaran menternak yang telah disahkan perlu disertakan.
10. Memenuhi kriteria ladang penternak seperti berikut:
 - i) Mempunyai Sijil Bebas Brucellosis/ Sijil Bebas Tuberkulosis yang sah; atau
 - ii) Telah disahkan *negative* untuk ujian saringan penyakit Brucellosis ke atas 100% ternakan yang berumur 6 bulan dan ke atas dan ujian saringan Tuberkulosis ke atas 100% ekor ternakan berumur 6 minggu ke atas daripada populasi keseluruhan pada tahun permohonan diterima; dan
 - iii) tidak tersenarai sebagai ladang yang telah didaftarkan sebagai ladang Indeks Penyakit (IP) bagi penyakit Ruminan.
 - iv) Ternakan diberi vaksinasi Penyakit Kuku dan Mulut (FMD) secara berkala sebagaimana ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan direkodkan.
 - v) Mengamalkan sistem Amalan Perladangan Yang Baik
11. Mempunyai system rekod asas ternakan ladang secara fizikal dengan menggunakan buku rekod yang disediakan oleh Jabatan atau buku rekod pemohon sendiri.
12. Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Peringkat Negeri/ Jawatankuasa Induk Program Pembangunan Industri Tenusu Negara
13. Senarai dokumen perlu dilampirkan bersama-sama borang permohonan adalah seperti berikut:
 - a) Salinan kad pengenalan Pemohon
 - b) Salinan pendaftaran syarikat carian terkini bagi pemohon Skop Program Transformasi Berskala Besar

- c) Salinan geran tanah
- d) Salinan bukti sewaan/pajakan/kebenaran menternak secara dokumentasi yang telah disahkan oleh pihak berkuasa/agensi yang berkaitan
- e) Maklumat/laporan profil syarikat bagi permohonan Skop Program Transformasi Berskala Besar
- f) Surat pengesahan status program kesihatan ladang oleh Bahagian Kesihatan DVS Negeri/PVD Daerah

1.0 PROSEDUR PERMOHONAN PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI TENUSU NEGARA

1.1 Permohonan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara: Skop Program Transformasi Usahawan Berskala Besar

- 1.1.1 Permohonan oleh usahawan/syarikat adalah tertakluk kepada syarat-syarat Program seperti perkara VIII.
- 1.1.2 Pemohon perlu melengkapkan borang permohonan yang boleh diperolehi melalui Pusat Operasi VetEC, Bahagian Industri Ternakan Negeri atau PVD/PVJ yang terdekat atau melalui laman sesawang Jabatan www.dvs.gov.my.
- 1.1.3 Borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta dokumen sokongan perlulah diserahkan terus kepada Urusetia Program untuk semakan dan tindakan selanjutnya. Borang permohonan boleh diserahkan secara pos atau secara serahan tangan ke Unit Tenusu, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan.
- 1.1.4 Borang permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada pemohon untuk dilengkapkan dan dikembalikan semula kepada Urusetia Program.
- 1.1.5 Permohonan bagi Skop Program ini adalah tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa Kerajaan dan kelulusan oleh Jawatankuasa Induk Program.

1.2 Verifikasi dan Lawat siasat Skop Program Transformasi Usahawan Berskala Besar

- 1.2.1 Urusetia Program akan menyelaraskan tarikh bagi verifikasi ladang.
- 1.2.2 Verifikasi ladang akan dijalankan oleh Pegawai Verifikasi Jabatan yang dilantik oleh Ketua Jabatan atau Pengarah Bahagian. Pegawai Verifikasi/ lawat siasat permohonan akan melibatkan: -
 - i) Wakil Pegawai dari Unit Tenusu;
 - ii) Wakil Pegawai dari DVS Negeri/PVD/PJV; dan
 - iii) Wakil Pegawai Dari Pusat Operasi VetEC
- 1.2.3 Maklumat hasil verifikasi ladang pemohon serta ulasan permohonan akan disediakan oleh Pegawai Verifikasi menggunakan Borang Verifikasi Permohonan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara (PPITN-VP1)

1.3 Pengesahan Permohonan Skop Program Transformasi Usahawan Berskala Besar

- 1.3.1 Pemohon akan dijemput bagi membuat pembentangan kepada Ahli Jawatankuasa Induk Program Pembangunan Industri Tenusu Negara bagi tujuan kelulusan permohonan.
- 1.3.2 Keputusan permohonan oleh Jawatankuasa Induk Program Pembangunan Industri Tenusu Negara akan dimaklumkan secara bertulis dalam tempoh 30 hari selepas keputusan Jawatankuasa.

1.4 Permohonan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara: Skop Program Transformasi Penternak Kecil

- 1.4.1 Permohonan oleh penternak bagi Skop Program Transformasi Penternak Kecil adalah tertakluk kepada syarat-syarat Program seperti perkara VIII.
- 1.4.2 Pemohon perlu melengkapkan borang permohonan yang boleh diperolehi melalui Pusat Operasi VetEC, Bahagian Industri Ternakan Negeri atau PVD/PVJ yang terdekat atau melalui laman sesawang Jabatan www.dvs.gov.my dan diserahkan kepada Pusat Operasi VetEC/PVD/PVJ yang terdekat.
- 1.4.3 Borang permohonan yang diterima akan disemak untuk tindakan selanjutnya Jabatan. Borang permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada pemohon untuk dilengkapkan dan dikembalikan semula.
- 1.4.4 Permohonan daripada penternak bagi Skop Program Transformasi Penternak Kecil perlulah dihantar ke DVS Negeri untuk tujuan verifikasi dan kelulusan Jawatankuasa diperingkat DVS Negeri sebelum disahkan diperingkat Jawatankuasa Induk Program Pembangunan Industri Tenusu Negara.
- 1.4.5 Permohonan bagi Skop Program ini adalah tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa Kerajaan dan kelulusan oleh Jawatankuasa Induk Program

1.5 Verifikasi dan Lawat Siasat Skop Program Transformasi Penternak Kecil

- 1.5.1 Pihak DVS Negeri akan menyelaraskan tarikh bagi pelaksanaan verifikasi ladang pemohon untuk permohonan Skop Program Transformasi Penternak Kecil.

- 1.5.2 Verifikasi ladang pemohon bagi Skop Program Transformasi Penternak Kecil akan dijalankan oleh Pegawai Verifikasi daripada DVS Negeri dan pegawai VetEC yang dilantik oleh DVS Negeri.
- 1.5.3 Maklumat hasil verifikasi ladang pemohon serta ulasan permohonan akan disediakan oleh Pegawai Verifikasi menggunakan Borang Verifikasi Permohonan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara (PPITN-VP1)
- 1.6 **Pengesahan bagi Permohonan Skop Program Transformasi Penternak Kecil**
 - 1.6.1 Permohonan bagi Skop Transformasi Penternak Kecil yang telah diverifikasi/ lawat siasat perlulah diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Negeri untuk kelulusan.
 - 1.6.2 Keputusan permohonan yang tidak diluluskan di peringkat Jawatankuasa Negeri akan dimaklumkan secara bertulis dalam tempoh 30 hari selepas keputusan Jawatankuasa Negeri dilaksanakan oleh DVS Negeri.
 - 1.6.3 Bagi permohonan yang diluluskan di peringkat Jawatankuasa Negeri, pihak DVS Negeri akan mengemukakan senarai permohonan yang telah diluluskan kepada Urusetia Program secara bersurat beserta lampiran borang dokumen permohonan dan laporan verifikasi ladang yang telah dijalankan bagi permohonan yang telah diluluskan.
 - 1.6.4 Permohonan yang diluluskan di peringkat DVS Negeri akan diangkat untuk disahkan dalam MJKI.
 - 1.6.5 Jawatankuasa Induk Program Pembangunan Industri Tenusu Negara yang bermesyuarat akan mengesahkan atau tidak mengesahkan permohonan yang diluluskan di peringkat Jawatankuasa Negeri dan keputusan Jawatankuasa Induk Program Pembangunan Industri Tenusu Negara akan dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh 30 hari selepas keputusan Jawatankuasa oleh Urusetia Program.

1.7 **Jadual Prosedur Permohonan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara: Skop Program Transformasi Usahawan Berskala Besar**

Bil.	Perkara	Dokumen / Rujukan	Tanggung-jawab
1.1	Permohonan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara: Skop Program Transformasi Usahawan Berskala Besar		
1.1.1	Permohonan oleh Pemohon adalah tertakluk kepada syarat-syarat Program seperti perkara VIII. Borang permohonan boleh diperolehi melalui Pusat Operasi VetEC, Bahagian Industri Ternakan Negeri atau PVD/PVJ yang terdekat atau melalui sesawang Jabatan – www.dvs.gov.my.	PPITN-PP1	Pemohon
1.1.2	Borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta dokumen sokongan boleh diserahkan terus kepada Urusetia Program. Borang permohonan boleh diserahkan secara pos atau secara serahan tangan ke Unit Tenusu, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan.	PPITN-PP1	Pemohon
1.1.3	Semakan borang permohonan. Borang permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada pemohon untuk dilengkapi dan dikembalikan semula kepada Urusetia Program dengan kadar segera.	PPITN-PP1	Urusetia Program


Bil.	Perkara	Dokumen / Rujukan	Tanggung-jawab
1.2	Verifikasi dan Lawat siasat – Skop Program Transformasi Usahawan Berskala Besar		
1.2.1	Penyelarasan tarikh verifikasi/ lawat siasat ladang untuk permohonan. Verifikasi/ lawat siasat permohonan akan melibatkan i) Wakil Pegawai dari Unit Tenusu ii) Wakil Pegawai dari DVS Negeri iii) Wakil Pegawai Dari Pusat Operasi VetEC	Surat makluman verifikasi/ lawat siasat kepada Pegawai Verifikasi dan Pemohon	Urusetia Program
1.2.2	Verifikasi ladang akan dijalankan oleh Pegawai Verifikasi Jabatan yang dilantik oleh Ketua Jabatan atau Pengarah Bahagian.	Surat lantikan dan makluman verifikasi/ lawat siasat kepada Pegawai Verifikasi	Urusetia Program
1.2.3	Maklumat hasilan verifikasi ladang pemohon serta ulasan permohonan akan disediakan oleh Pegawai Verifikasi menggunakan Borang Verifikasi Permohonan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara (PPITN-VP1)	PPITN-VP1	Pegawai Verifikasi yang dilantik
1.3	Pengesahan Permohonan Skop Program Transformasi Usahawan Berskala Besar		
1.3.1	Jemputan kepada Usahawan/syarikat bagi membuat pembentangan kepada Ahli Jawatankuasa MJKI.	Surat Jemputan kepada Usahawan/ syarikat	Urusetia Program

1.3.2	Keputusan permohonan usahawan/syarikat oleh JKIPPITN akan dimaklumkan secara bertulis dalam tempoh 30 hari selepas keputusan MJKI.	Surat pemakluman keputusan bagi permohonan yang tidak dipertimbangkan atau Surat tawaran beserta SST dan Format penyediaan Bon Jaminan kepada pemohon yang Berjaya	Urusetia Program
1.4	Permohonan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara: Skop Program Transformasi Penternak Kecil		
1.4.1	Permohonan oleh usahawan/syarikat adalah tertakluk kepada syarat-syarat Program seperti perkara VIII. Borang permohonan boleh diperolehi melalui Pusat Operasi VetEC, Bahagian Industri Ternakan Negeri atau PVD/PVJ yang terdekat atau melalui sesawang Jabatan – www.dvs.gov.my .	PPITN-PP1	Pemohon
1.4.2	Borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta dokumen sokongan boleh diserahkan terus kepada Pusat Operasi VetEC, Bahagian Industri Ternakan Negeri atau PVD/PVJ yang terdekat.	PPITN-PP1	Pemohon


Bil.	Perkara	Dokumen / Rujukan	Tanggung-jawab
1.4.3	Semakan borang permohonan. Borang permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada pemohon untuk dilengkapi dan dikembalikan semula kepada Pusat Operasi VetEC, Bahagian Industri Ternakan Negeri atau PVD/PVJ dengan kadar segera.	PPITN-PP1	Pusat Operasi VeTEC, Bahagian Industri Ternakan Negeri atau PVD/PVJ
1.5	Verifikasi dan Lawat Siasat – Skop Program Transformasi Penternak Kecil		
1.5.1	Penyelarasan tarikh verifikasi/lawat siasat ladang untuk permohonan akan dilaksanakan oleh pihak DVS Negeri Verifikasi/lawat siasat permohonan akan melibatkan i) Wakil Pegawai dari DVS Negeri; dan ii) Wakil Pegawai Dari Pusat Operasi VetEC	Surat makluman verifikasi/lawat siasat kepada Pegawai Verifikasi dan Pemohon	DVS Negeri
1.5.2	Verifikasi ladang akan dijalankan oleh Pegawai Verifikasi yang dilantik oleh Pengarah DVS Negeri atau KBIT	Surat makluman verifikasi/lawat siasat kepada Pegawai Verifikasi	DVS Negeri
1.5.3	Maklumat hasil verifikasi ladang pemohon serta ulasan permohonan akan disediakan oleh Pegawai Verifikasi menggunakan Borang Verifikasi Permohonan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara (PPITN-VP1)	PPITN-VP1	Pegawai Verifikasi yang dilantik

1.6	Pengesahan bagi Permohonan Skop Program Transformasi Penternak Kecil		
1.6.1	Permohonan bagi Skop Program Transformasi Penternak Kecil yang telah diverifikasi/lawat siasat perlulah diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Negeri untuk kelulusan.	Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Negeri	Urusetia Mesyuarat Peringkat Negeri
1.6.2	Keputusan permohonan yang tidak berjaya di peringkat Jawatankuasa Negeri akan dimaklumkan secara bertulis dalam tempoh 30 hari selepas keputusan Jawatankuasa Negeri dilaksanakan oleh DVS Negeri.	Surat pemakluman keputusan bagi permohonan yang tidak dipertimbangkan	Urusetia Mesyuarat Peringkat Negeri
1.6.3	Bagi permohonan yang telah diluluskan di peringkat Jawatankuasa Negeri, pihak DVS Negeri perlu mengemukakan senarai Peserta yang telah diluluskan kepada Urusetia Program secara bersurat beserta lampiran salinan dokumen permohonan dan laporan verifikasi ladang yang telah dijalankan bagi permohonan yang telah diluluskan.	Surat pemakluman kelulusan permohonan beserta salinan borang PPITN-PP1 dan PPITN-VP1	Urusetia Mesyuarat Peringkat Negeri
1.6.4	Permohonan yang telah diluluskan diperingkat DVS Negeri akan diangkat untuk disahkan dalam MJKI. Keputusan MJKI akan dimaklumkan kepada Peserta dalam tempoh 30 hari selepas keputusan MJKI.	Surat pemakluman keputusan bagi permohonan yang tidak dipertimbangkan atau Surat tawaran beserta SST kepada Peserta yang berjaya	Urusetia Program

1.8 Carta Alir: Permohonan Program Pembangunan Industri Tenusu (Permohonan Skop Transformasi Usahawan Berskala Besar)



1.9 Carta Alir: Permohonan Program Pembangunan Industri Tenusu (Permohonan Skop Transformasi Penternak Kecil)



2.0 PROSEDUR PENYEDIAAN SURAT TAWARAN DAN DOKUMEN PERJANJIAN PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI TENUSU NEGARA

2.1 Tawaran Program Pembangunan Industri Tenusu Negara

2.1.1 Peserta yang telah berjaya akan ditawarkan menyertai Program. Surat tawaran Program akan diserahkan kepada Peserta dalam tempoh 30 hari daripada keputusan Jawatankuasa Induk Program Pembangunan Industri Tenusu Negara. Peserta perlu menyerahkan Akuan penerimaan Program dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat tawaran.

2.1.2 Peserta yang menerima Program ini akan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam surat tawaran serta: -

- i) menyerahkan Bon Jaminan Pelaksanaan sebagai menjamin obligasi syarikat di dalam Pelaksanaan Program dalam tempoh 30 hari daripada tarikh Akuan Penerimaan Program kepada Kerajaan bagi Peserta Skop Transformasi Usahawan Berskala Besar;
- ii) Menandatangani Perjanjian Program dalam tempoh 60 hari daripada tarikh Akuan Penerimaan Program dengan Kerajaan; dan
- iii) Melaksanakan perolehan yang ditawarkan oleh Kerajaan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Peserta perlu merujuk dengan Urusetia Program sekiranya terdapat kelewatan dalam melaksanakan perkara i, ii dan iii di atas.

2.1.3 kadar Bon Jaminan Pelaksanaan bagi pemohon Skop Transformasi Usahawan Berskala Besar adalah bergantung kepada nilai tuntutan bayaran balik oleh Peserta iaitu:

- i) pada kadar 2.5% bagi nilai tuntutan bayaran balik kurang daripada RM500,000.00; atau
- ii) pada kadar 5% bagi nilai tuntutan bayaran balik RM 500,000.00 dan lebih.

2.1.4 Sebarang pindaan pada tawaran Pelaksanaan Program perlulah mendapat kelulusan daripada MJKI.

- 2.1.5 Sekiranya terdapat permohonan pindaan daripada Peserta dan telah mendapat kelulusan daripada MJKI, Urusetia Program perlu menyerahkan surat tawaran pindaan beserta Pindaan Akaan Penerimaan Program kepada Peserta dalam tempoh 30 hari daripada tarikh kelulusan.
- 2.1.6 Pindaan Akaan Penerimaan Program bagi surat tawaran pindaan perlu dikembalikan oleh Peserta dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat tawaran pindaan dan menandatangani Perjanjian Tambahan dalam tempoh 60 hari daripada tarikh Pindaan Akaan Penerimaan Program.
- 2.2 **Penyediaan Dokumen Perjanjian Program Pembangunan Industri Tenusu Negara**
 - 2.2.1 Perjanjian Perlaksanaan Program yang telah disemak oleh Pegawai Undang-Undang Jabatan akan diserahkan kepada Peserta untuk bacaan dan semakan serta dimuktamadkan (menandatangani Perjanjian Perlaksanaan Program).
 - 2.2.2 Perjanjian Perlaksanaan Program yang telah dimuktamadkan oleh Peserta perlulah dikembalikan kepada Urusetia Program untuk tindakan selanjutnya.
 - 2.2.3 Peserta perlu mengemukakan dua (2) dokumen Perjanjian Perlaksanaan Program yang asal kepada Urusetia Program.
 - 2.2.4 Adalah menjadi tanggungjawab Peserta untuk matikan setem bagi dokumen Perjanjian Perlaksanaan Program.
 - 2.2.5 Untuk Peserta Skop Program Transformasi Penternak Kecil, sekiranya Peserta memerlukan pihak urusetia Program untuk mematikan setem Perjanjian, Peserta perlu mengemukakan bayaran Fi pemprosesan yang dikenakan oleh pihak LHDN kepada pihak Urusetia untuk pelaksanaan pembayaran kepada LHDN bagi tujuan matikan setem.
 - 2.2.6 Satu (1) dokumen asal Perjanjian Perlaksanaan Program yang telah dimatikan setem akan di serahkan kepada Urusetia Program untuk simpanan dan juga bagi tujuan tuntutan bayaran balik kepada Peserta oleh Kerajaan.

2.2.7 Satu (1) salinan Perjanjian Perlaksanaan Program (Perjanjian Utama/ Perjanjian Tambahan) akan diserahkan juga untuk simpanan kepada:

- i) DVS Negeri (Bahagian Industri Ternakan);
- ii) Pejabat Veterinar Daerah/Pejabat Veterinar Jajahan; dan
- iii) Pusat Operasi VeTEC

2.2.8 Sebarang perubahan kepada tawaran dan klausa pada Perjanjian Program, hendaklah mendapat kelulusan daripada MJKI dan dirujuk dengan PUU dan sekiranya perlu, satu Perjanjian Tambahan akan disediakan oleh Kerajaan kepada Peserta.

2.2.9 Peserta adalah tertakluk kepada syarat-syarat di dalam Perjanjian Perlaksanaan Program.

2.3 **Jadual Prosedur Penyediaan Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian Program Pembangunan Industri Tenusu Negara**


Bil.	Perkara	Dokumen / Rujukan	Tanggung-jawab
2.1	Tawaran Program Pembangunan Industri Tenusu Negara		
2.1.1	Surat tawaran beserta Akuan Penerimaan Program diserahkan kepada Peserta yang ditawarkan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh keputusan MJKI.	Surat Tawaran beserta Akuan Penerimaan Program	Urusetia Program
2.1.2	Terimaan Akuan Penerimaan Program daripada Peserta dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat tawaran Program.	Akuan Penerimaan Program	Urusetia Program

2.1.3	Peserta adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan ditetapkan di dalam surat tawaran, serta: - i) Serahan Bon Jaminan Pelaksanaan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh Akuan Penerimaan Program bagi Skop Transformasi Usahawan Berskala Besar; ii) Menandatangani Perjanjian Program dalam tempoh 60 hari daripada tarikh Akuan Penerimaan Program; dan iii) Melaksanakan perolehan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Peserta perlu merujuk dengan Urusetia Program sekiranya terdapat kelewatan dalam melaksanakan perkara i, ii dan iii di atas.	i) Bon Jaminan Pelaksanaan ii) Perjanjian Perlaksanaan Program	Urusetia Program
2.1.4	Sebarang pindaan pada tawaran Perlaksanaan Program perlulah mendapat kelulusan daripada MJKI. Surat tawaran pindaan beserta Pindaan Akuan Penerimaan Program akan diserahkan kepada Peserta dalam tempoh 30 hari daripada tarikh kelulusan pindaan melalui MJKI.	Surat tawaran pindaan beserta Pindaan Akuan Penerimaan	Urusetia Program
2.1.5	Terimaan pindaan Akuan Penerimaan Program dari Peserta dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat tawaran pindaan.	Pindaan Akuan Penerimaan Program	Urusetia Program

Bil.	Perkara	Dokumen / Rujukan	Tanggung-jawab
2.1.6	Menandatangani Perjanjian Pelaksanaan Program (Perjanjian Tambahan) dalam tempoh 60 hari daripada tarikh Pindaan Akuan Penerimaan Program.	Perjanjian Pelaksanaan Program	Urusetia Program
2.2	Penyediaan Dokumen Perjanjian Program Pembangunan Industri Tenusu Negara		
2.2.1	Perjanjian Pelaksanaan Program yang telah disemak oleh Pegawai Undang-Undang Jabatan akan diserahkan kepada Peserta untuk bacaan dan semakan serta dimuktamadkan (menandatangani Perjanjian Pelaksanaan Program).	Perjanjian Pelaksanaan Program	Urusetia Program
2.2.2	Dua (2) dokumen asal Perjanjian Pelaksanaan Program yang telah dimuktamadkan oleh Peserta perlulah dikembalikan kepada Urusetia Program untuk tindakan selanjutnya.	Perjanjian Pelaksanaan Program	Urusetia Program
2.2.3	Dua (2) salinan Perjanjian Pelaksanaan Program yang telah lengkap akan diserahkan semula kepada Peserta untuk dimatikan setem. Untuk Peserta bagi Skop Program Transformasi Penternak Kecil, sekiranya Peserta memerlukan pihak urusetia Program untuk mematikan setem Perjanjian, Peserta perlu mengemukakan bayaran Fi pemprosesan yang dikenakan oleh pihak LHDN kepada pihak Urusetia untuk pembayaran kepada LHDN.	1) Perjanjian Pelaksanaan Program 2) Surat pemakluman kepada peserta untuk mematikan setem	Pemohon

2.2.4	Satu (1) dokumen asal Perjanjian Pelaksanaan Program yang telah dimatikan setem akan di serahkan kepada Urusetia Program untuk simpanan dan juga bagi tujuan tuntutan bayaran balik kepada Peserta oleh Kerajaan.	Perjanjian Pelaksanaan Program	Peserta/ Urusetia Program
2.2.5	Satu (1) salinan Perjanjian Pelaksanaan Program (Perjanjian Utama/ Perjanjian Tambahan) akan diserahkan juga untuk simpanan kepada: i) DVS Negeri (Bahagian Industri Ternakan); ii) Pejabat Veterinar Daerah/ Pejabat Veterinar Jajahan; dan iii) Pusat Operasi VeTEC	Perjanjian Pelaksanaan Program	Urusetia Program
2.2.6	Sebarang perubahan kepada tawaran dan klausa pada Perjanjian Program, hendaklah mendapat kelulusan daripada MJKI dan dirujuk dengan PUU. Satu Perjanjian Tambahan akan disediakan oleh Kerajaan kepada Peserta dan Peserta adalah tertakluk kepada syarat-syarat di dalam Perjanjian Pelaksanaan Program.	Perjanjian Pelaksanaan Program/ Perjanjian Tambahan Pelaksanaan Program	Urusetia Program

2.4 Carta Alir Penyediaan Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian Program Pembangunan Industri Tenuku Negara



3.0 PROSEDUR PEMBAYARAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK (REIMBURSEMENT)

3.1 Serahan Dokumen Tuntutan Bayaran Balik Oleh Peserta/ Pembekal yang dilantik oleh Peserta

3.1.1 Peserta yang ditawarkan Program ini layak membuat tuntutan 30% atau 70% daripada harga perolehan ternakan dan peralatan seperti yang ditawarkan tertakluk kepada harga siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

3.1.2 Pembayaran balik (*reimbursement*) boleh dilaksanakan dengan dua (2) kaedah: -

- i) Pembayaran balik Insentif terus kepada peserta; atau
- ii) Pembayaran balik Insentif 70% kepada pembekal yang dilantik oleh peserta bagi Skop Program Transformasi Penternak Kecil sahaja.

3.1.3 Adalah menjadi tanggungjawab Peserta untuk melaksanakan perolehan bagi ternakan dan/atau peralatan baru yang telah ditawarkan terlebih dahulu.

3.1.4 Peserta hanya boleh mengemukakan empat (4) kali tuntutan sahaja (*progressive payment*) kepada Kerajaan.

3.1.5 Bagi tujuan tuntutan pembayaran, Peserta hendaklah mengemukakan kepada Kerajaan dokumen sepertimana yang dinyatakan atau apa-apa dokumen lain yang dirasakan perlu dan diminta kepada Peserta dari semasa ke semasa.

3.1.6 Dokumen tuntutan bagi Skop Program Transformasi Usahawan Berskala Besar

- i) Surat tuntutan daripada Peserta
- ii) Invois asal tuntutan Insentif 30% daripada Peserta
- iii) Surat lantikan pembekal (sekiranya perolehan dilaksanakan oleh pembekal)
- iv) Surat lantikan juruaudit (bagi tuntutan skala besar)
- v) Surat pengesahan tuntutan oleh juru audit yang dilantik (bagi tuntutan skala besar)

- vi) Sijil Pendaftaran Juruaudit Bersama *Malaysian Institute of Accountants* atau Sijil Pendaftaran Juruaudit
- vii) Salinan surat tawaran
- viii) Salinan Pengakuan Penerimaan Program
- ix) Salinan Perjanjian Program di antara Peserta dan Kerajaan
- x) Salinan sijil pendaftaran perniagaan syarikat (SSM) carian terkini
- xi) Salinan Bon Jaminan Pelaksanaan
- xii) Salinan Pendaftaran (akaun daftar) syarikat di eVendor
- xiii) Salinan muka hadapan penyata bank terkini Peserta
- xiv) Laporan Verifikasi lapangan (disediakan oleh Pegawai Verifikasi yang dilantik oleh Kerajaan)
- xv) Nota hantaran daripada pembekal yang telah disahkan oleh Juruaudit
- xvi) Invois daripada pembekal kepada Peserta yang telah disahkan oleh Juruaudit
- xvii) Bukti pembayaran oleh Peserta kepada pembekal (Salinan cek/Salinan penyata bank) atau apa-apa jenis dokumen yang menunjukkan transaksi pembayaran yang telah disahkan oleh Juruaudit yang dilantik
- xviii) Salinan resit daripada pembekal kepada Peserta yang telah disahkan oleh Juruaudit yang dilantik
- xix) Salinan Permit Import
- xx) Salinan Sijil Kesihatan Veterinar dari negara pengimport beserta no.tag ternakan
- xxi) Dokumen pengesahan kebuntingan ternakan yang telah disahkan.
- xxii) Laporan pemeriksaan PUSPAKOM (bagi penerima Insentif Lori Tangki Susu)
- xxiii) Pelan Teknikal JPJ (bagi penerima Insentif Lori Tangki Susu)
- xxiv) Sijil Pemilikan Kenderaan
- xxv) Lain-lain dokumen tambahan yang diperlukan bagi tujuan tuntutan.

3.1.7 Dokumen tuntutan bagi Skop Program Transformasi Penternak Kecil

- i) Surat tuntutan daripada Peserta/ Pembekal yang dilantik
- ii) Invois asal tuntutan Insentif 70% daripada Peserta/ Pembekal yang dilantik
- iii) Surat lantikan pembekal (sekiranya perolehan dan tuntutan dilaksanakan oleh pembekal)
- iv) Salinan Kad Pengenalan Peserta
- v) Salinan surat tawaran
- vi) Salinan Pengakuan Penerimaan Program
- vii) Salinan Perjanjian Program di antara Peserta dan Kerajaan
- viii) Salinan sijil pendaftaran perniagaan syarikat (SSM) carian terkini
- ix) Salinan Pendaftaran (akaun daftar) Peserta/Pembekal di eVendor
- x) Salinan muka hadapan penyata bank terkini Peserta/Pembekal
- xi) Laporan Verifikasi lapangan (disediakan oleh Pegawai Verifikasi yang dilantik oleh Kerajaan)
- xii) Nota hantaran daripada pembekal yang telah lengkap
- xiii) Invois daripada pembekal kepada Peserta yang telah lengkap
- xiv) Bukti pembayaran oleh Peserta kepada pembekal (Salinan cek/Salinan penyata bank) atau apa-apa jenis dokumen yang menunjukkan transaksi pembayaran yang telah disahkan oleh pembekal
- xv) Salinan resit daripada pembekal kepada Peserta yang lengkap
- xvi) Salinan Permit Import
- xvii) Salinan Sijil Kesihatan Veterinar dari negara pengimport beserta no.tag ternakan
- xviii) Dokumen pengesahan kebuntingan ternakan yang telah disahkan.
- xix) Lain-lain dokumen tambahan yang diperlukan bagi tujuan tuntutan.

3.1.8 Urusetia Program akan membuat semakan ke atas dokumen yang dikemukakan dan bagi mana-mana dokumen yang tidak lengkap, Peserta perlu memberi maklumbalas yang diperlukan dengan kadar segera.

- 3.1.9 Dokumen pada perkara 3.1.6 atau 3.1.7 beserta laporan verifikasi ternakan dan/atau peralatan akan dibentangkan oleh Urusetia Program dalam Mesyuarat JK4P bagi pengesyoran tuntutan bayaran kepada Peserta.
- 3.1.10 Bagi Program ini, Kerajaan bersetuju untuk membuat pembayaran balik Insentif bagi perolehan yang dilaksanakan oleh Syarikat/Peserta mengikut tarikh kuat kuasa atau tarikh Akaan Penerimaan Program. Mana-mana perolehan yang telah dibuat sebelum Akaan Penerimaan Program ini ditandatangani tidak boleh dipertimbangkan untuk pembayaran balik Insentif.
- 3.1.11 Bagi Program ini, Kerajaan bersetuju untuk membuat pembayaran balik Insentif bagi perolehan Ternakan/Peralatan yang diverifikasi sahaja. Mana-mana perolehan yang TIDAK DIVERIFIKASI tidak boleh dipertimbangkan untuk pembayaran balik Insentif.
- 3.2 **Verifikasi Perolehan Ternakan dan/atau Peralatan Bagi Tujuan Tuntutan Bayaran Balik**
- 3.2.1 Satu surat arahan kepada Pegawai Verifikasi bagi menjalankan verifikasi perolehan ternakan dan/atau peralatan akan dikeluarkan oleh Urusetia Program.
- 3.2.2 Semasa menjalankan verifikasi ternakan dan/atau peralatan bagi tujuan tuntutan bayaran balik, Pegawai Verifikasi perlu mengesahkan bahawa: -
- i) Ternakan mempunyai No. Tag yang sama seperti yang didaftarkan pada Permit import dan Sijil Kesihatan Veterinar Negara Pengeksport yang telah diserahkan kepada Urusetia Program bagi tujuan tuntutan bayaran balik; dan/atau
 - ii) Peralatan yang diverifikasi mempunyai dokumen perolehan seperti yang telah diserahkan kepada Urusetia Program bagi tujuan tuntutan bayaran balik dan memastikan bahawa peralatan telah dipasang dan berfungsi dengan baik.
- 3.2.3 Laporan lengkap verifikasi perolehan (ternakan dan/atau peralatan) beserta gambar-gambar yang berkaitan sebagai sokongan kepada laporan tersebut perlu dihantar kepada Urusetia Program dalam tempoh 14 hari dari tarikh verifikasi perolehan dijalankan menggunakan Borang Verifikasi Tuntutan Pembayaran Balik Program Pembangunan Industri Tenuku Negara (**PPITN-VT1**).

3.3 Pengesyoran dan Pengesahan Pembayaran Tuntutan Bayaran Balik


- 3.3.1 Dokumen-dokumen bagi tujuan tuntutan bayaran balik kepada Peserta akan dibentangkan di dalam Mesyuarat JK4P untuk tujuan pengesyoran pembayaran balik 30% atau 70% daripada harga perolehan oleh Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran Program.
- 3.3.2 Pembayaran yang telah disyorkan oleh JK4P akan diangkat kepada Pegawai Pengesah yang dilantik oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk disahkan bagi tujuan pembayaran.
- 3.1.3 Dokumen yang telah disahkan oleh Pegawai Pengesah akan dihantar kepada Unit Kewangan Jabatan/ agensi yang berkaitan bagi tujuan pembayaran.
- 3.1.4 Bayaran balik yang telah selesai pembayaran akan dimaklumkan kepada Peserta secara email atau bersurat atau melalui medium yang bersesuaian
- 3.4 **Jadual Prosedur Pembayaran Tuntutan Bayaran Balik di Bawah Program Pembangunan Industri Tenusu Negara**

Bil.	Perkara	Dokumen / Rujukan	Tanggung-jawab
3.1	Serahan Dokumen Tuntutan Bayaran Balik Oleh Peserta		
3.1.1	Peserta membuat perolehan bagi ternakan dan/atau alatan yang ditawarkan terlebih dahulu.	Surat tawaran oleh Kerajaan	Peserta
3.1.2	Peserta/Pembekal yang dilantik perlu mengemukakan dokumen tuntutan bayaran balik kepada Urusetia Program.	Dokumen Seperti perkara 3.1.6 atau 3.1.7	Peserta
3.1.3	Semakan dokumen yang dikemukakan oleh Peserta. Dokumen tuntutan yang tidak lengkap akan dimaklumkan kepada Peserta untuk tindakan segera.	Dokumen Seperti perkara 3.1.6 atau 3.1.7	Urusetia Program

Bil.	Perkara	Dokumen / Rujukan	Tanggung-jawab
3.2	Verifikasi Perolehan Bagi Tujuan Tuntutan Bayaran Balik		
3.2.1	Urusetia Program akan menyelaraskan tarikh bagi tujuan Verifikasi perolehan di antara Peserta dan Pegawai Verifikasi yang di lantik oleh Ketua Jabatan. Surat arahan pelaksanaan verifikasi bagi tuntutan perolehan akan dikemukakan kepada Pegawai Verifikasi yang dilantik oleh Ketua Jabatan bagi menjalankan verifikasi perolehan.	Surat makluman Verifikasi	Urusetia Program
3.2.2	Semasa verifikasi bagi tujuan tuntutan dilaksanakan, Pegawai Verifikasi perlu mengesahkan bahawa: i) Ternakan mempunyai No. Tag seperti yang didaftarkan pada Permit import dan Sijil Kesihatan Veterinar Negara Pengeksport yang telah diserahkan kepada Urusetia Program bagi tujuan tuntutan bayaran balik; dan/atau ii) Peralatan yang diverifikasi mempunyai dokumen perolehan seperti yang telah diserahkan kepada Urusetia Program bagi tujuan tuntutan bayaran balik dan memastikan bahawa peralatan telah dipasang dan berfungsi dengan baik	PPITN-VT1	Pegawai Verifikasi

3.2.3	Laporan lengkap verifikasi perolehan (ternakan dan/atau peralatan) beserta gambar-gambar yang berkaitan dihantar kepada Urusetia Program dalam tempoh 14 hari dari tarikh verifikasi di jalankan.	PPITN-VT1	Pegawai Verifikasi
3.3	Pengesyoran dan Pengesahan Pembayaran Tuntutan Bayaran Balik		
3.3.1	Pembentangan permohonan tuntutan bayaran balik di dalam Mesyuarat JK4P untuk tujuan pengesyoran pembayaran balik 30% atau 70% daripada harga perolehan oleh Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran Program.	Mesyuarat JK4P	Urusetia Program
3.3.2	Pembayaran yang telah disyorkan oleh JK4P akan diangkat kepada Pegawai Pengesah yang dilantik oleh KSU KPKM untuk disahkan bagi tujuan pembayaran.	Dokumen Tuntutan Bayaran	Pegawai Pengesah
3.3.3	Pembayaran oleh Unit Kewangan Jabatan atau Agensi pembayar.	Dokumen Tuntutan Bayaran	Unit Kewangan Jabatan atau Agensi Pembayar
3.3.4	Makluman selesai pembayaran kepada Peserta secara email atau bersurat atau melalui medium pemakluman yang bersesuaian.	Melalui email atau bersurat atau melalui medium pemakluman yang sesuai.	Urusetia Program

3.5 Carta Alir Pembayaran Tuntutan Bayaran Balik Di Bawah Program Pembangunan Industri Tenusu Negara



4.0 PROSEDUR PEMANTAUAN PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI TENUSU NEGARA

4.1 Serahan Dokumen Tuntutan Bayaran Balik Oleh Peserta/ Pembekal yang dilantik oleh Peserta

4.1.1 Pegawai Pemantau yang dilantik oleh Kerajaan akan menjalankan pemantauan ke atas Peserta yang memasuki Program ini

4.1.2 Pemantauan prestasi adalah berdasarkan kepada sasaran/*Key Performance Indicator (KPI)* yang telah ditetapkan oleh Kerajaan melalui Perjanjian Perlaksanaan Program.

4.1.3 Pemantauan di lapangan bagi sasaran/ *Key Performance Indicator* akan dijalankan oleh Pegawai Pemantau sekurang-kurangnya 2 kali/ tahun sepanjang Program ini dilaksanakan di lapangan.

4.1.4 Semasa pemantauan lapangan dilaksanakan, Pegawai Pemantau perlulah memastikan Peserta adalah mematuhi syarat-syarat Perlaksanaan Program dan juga syarat-syarat Perjanjian Perlaksanaan Program.

4.1.5 Sebarang ketidakpatuhan oleh Peserta terhadap syarat-syarat Perlaksanaan Program dan Perjanjian Perlaksanaan Program perlu dimaklumkan kepada Urusetia Program melalui Borang Pemantauan Kemajuan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara (PPITN-BPP) dan diserahkan salinan kepada Urusetia Program untuk tindakan selanjutnya.

4.1.6 Laporan pemantauan perlulah dilengkapi oleh Pegawai Pemantau menggunakan Borang PPITN-PP dan diserahkan salinan kepada Urusetia Program.

4.1.7 Laporan pemantauan perlu diserahkan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh pemantauan dijalankan.

4.2 Pelepasan Atau Rampasan Bon Jaminan Pelaksanaan Peserta Bagi Skop Transformasi Usahawan Berskala Besar

4.2.1 Pelepasan Bon Jaminan Pelaksanaan adalah tertakluk kepada peratus (%) Pencapaian KPI oleh Peserta bagi tujuan pelepasan Bon Jaminan Pelaksanaan oleh Kerajaan seperti di jadual.

 % Pencapaian KPI	 % Pelepasan Nilai Bon
Pencapaian melebihi 80% daripada sasaran jumlah pengeluaran susu	Pelepasan 100% nilai Bon Pelaksanaan oleh Kerajaan
Pencapaian di antara 50%-79% daripada sasaran jumlah pengeluaran susu	Pelepasan 50% daripada nilai Bon Pelaksanaan oleh Kerajaan
Pencapaian kurang 50% daripada sasaran jumlah pengeluaran susu	Tiada Pelepasan Bon oleh Kerajaan

4.2.2 Bon Jaminan Pelaksanaan Peserta di bawah Skop Transformasi Usahawan Berskala Besar akan di lepaskan semula bergantung kepada peratus (%) pencapaian KPI Peserta.


4.2.3 Laporan pencapaian Peserta akan dilaporkan dalam Mesyuarat JK4P bagi ahli Jawatankuasa menilai dan menganalisa prestasi Peserta.

